

28/05/1998

Dompok angkat sumpah KM hari ini

Lichong Angkui

KOTA KINABALU, Rabu - Tan Sri Bernard Dompok, yang akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri Sabah mulai esok sudah berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai beberapa isu dan perkara yang perlu diberi keutamaan di negeri ini.

Menurutnya, perkara itu dibincangkan ketika beliau menemui Perdana Menteri kelmarin untuk mengucapkan terima kasih di atas pelantikan sebagai Ketua Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah.

"Saya dapat berbincang mengenai isu dan perkara yang perlu diberi keutamaan di negeri Sabah dan semua ini kita akan bincang dalam Kabinet negeri," katanya ketika ditemui selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini hari ini.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan isu dan perkara yang dimaksudkan.

Mesyuarat itu adalah yang terakhir dipengerusikan Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee. Ia dihadiri semua anggota Kabinet.

Dompok yang juga Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) akan mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri ke-11 mewakili kuota Bumiputera bukan Islam di Istana Negeri, di sini pagi esok.

Ditanya sama ada dilakukan penyusunan Kabinet negeri, beliau berkata, perkara itu hanya akan diketahui esok selepas beliau mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri.

Menurutnya, jumlah anggota Kabinet sekarang seramai 11 orang tidak mungkin diperbesarkan kerana ia sudah termaktub dalam Perlembagaan Negeri.

Mengenai tugas sebagai Pengerusi BN Sabah, Dompok berkata isu sekarang ini tentunya berkaitan pilihan raya negeri.

"Sebenarnya persiapan menghadapi pilihan raya sudah tersedia. Apa yang berlaku hanya penggantian Pengerusi BN. Jadi persiapan yang ditetapkan sebelum ini akan berjalan," katanya.

Ditanya reaksinya mengenai tanggapan bahawa pilihan raya negeri kali ini sebagai pertembungan sesama Kadazandusun, beliau berkata terpulang kepada orang ramai membuat ramalan, tetapi bagi BN masih banyak masa memikirkan mengenai perkara itu.

Menjawab soalan lain, Dompok berkata, sememangnya dalam pilihan raya negeri akan ada masalah dihadapi oleh kerajaan terutama dalam berhadapan dengan parti pembangkang.

"Memang ada masalah dihadapi kerana rakyat yang menentukan siapa menang dan kalah. Kita cuba sedaya mungkin memberi khidmat kepada rakyat dan selepas itu rakyat akan memilih siapa yang diberi mandat untuk menubuhkan kerajaan negeri Sabah," katanya.

Beliau juga berkata sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri yang dipraktikkan di negeri ini menunjukkan berjalan baik kerana semua masyarakat diberi peluang menerajui kerajaan.

(END)